

Seorang kru kapal karam masih hilang

Alor Setar: Seorang kru kapal layar yang terbakar dan karam di perairan berdekatan Muka Head, Pulau Pinang, awal pagi semalam, masih hilang.

Mangsa yang dikenali sebagai Lucas Bondezan, 24, warga Brazil, dipercayai hanyut selepas enjin kapal layar yang dalam perjalanan ke Singapura dari Pulau Langkawi itu terbakar, kira-kira 15 batu nautika dari Muka Head, pada jam 1 pagi.

Lancar operasi SAR

Pengarah Maritim Wilayah Utara, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Pertama Maritim Tan Kok Kwee, berkata pihaknya melancarkan operasi men-

cari dan menyelamat (SAR) mangsa sebaik menerima laporan kecemasan.

Tiga kru diselamatkan

“SAR diaktifkan sejurus menerima panggilan kecemasan daripada pemilik bot. Bagaimanapun operasi ditangguhkan akibat ombak besar dan cuaca gelap sebelum disambung semula pada jam 7 pagi ini (semalam),” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Tiga kru yang diselamatkan nelayan tempatan dan dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) dikenali sebagai Jaroslav Horejsek (Republik Czech), Novak Novakovic (Serbia) dan Rudolf Kolic (Croatia).



[FOTO SHAHRIZAL MD NOOR/BH]

Seorang kru kapal layar yang terselamat tiba di terminal jeti Kuala Kedah sebelum dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, semalam.